



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **KEBERKESANAN PENGAJARAN GURU PRASEKOLAH BAGI MENCAPAI STRATEGI PENGAJARAN: SATU KAJIAN KES DI NEGERI PERAK DAN SELANGOR**

**NOR SHAHIDA BINTI MUNAWIR**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2020**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## KEBERKESANAN PENGAJARAN GURU PRASEKOLAH BAGI MENCAPAI STRATEGI PENGAJARAN: SATU KAJIAN KES DI NEGERI PERAK DAN SELANGOR

NOR SHAHIDA BINTI MUNAWIR



05-4506832



pustaka.upsi

IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA UNIVERSITI  
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**Perakuan ini telah dibuat pada **15 SEPTEMBER 2020****1. Perakuan pelajar :**

Saya, **NOR SHAHIDA BINTI MUNAWIR, M20162002238, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **KEBERKESANAN PENGAJARAN GURU PRASEKOLAH BAGI MENCAPAI STRATEGI PENGAJARAN: SATU KAJIAN KES DI NEGERI PERAK DAN SELANGOR** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, **DR NOR MASHITAH BINTI MOHD RADZI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KEBERKESANAN PENGAJARAN GURU PRASEKOLAH BAGI MENCAPAI STRATEGI PENGAJARAN: SATU KAJIAN KES DI NEGERI PERAK DAN SELANGOR** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)**.



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **KEBERKESANAN PENGAJARAN GURU PRASEKOLAH BAGI  
MENCAPAI STRATEGI PENGAJARAN: SATU KAJIAN KES DI  
NEGERI PERAK DAN SELANGOR**

No. Matrik / Matric's No.: **M 20162002238**

Saya / I: **NOR SHAHIDA BINTI MUNAWIR**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

2. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
3. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
4. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 26/12/2020

DR. NOR MASHITAH MOHD RAZIZ  
TIMBALAN PENGARAH  
PUSAT PENYELEKUAN PERKEMBANGAN  
KANAK-KANAK NEGARA (PPSKN)  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJUNG MALIM, PERAK

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkewenang dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi di atas izin-Nya dapat saya menyiapkan tesis ini dengan baik dan jayanya. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pensyarah pendidikan awal kanak-kanak iaitu Dr Nor Mashitah binti Mohd Radzi iaitu selaku penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar serta bantuan untuk saya terus bersemangat menyiapkan tesis ini. Banyak ilmu yang telah beliau curahkan sehingga tidak terbalas dengan wang ringgit malah hanya mampu dibalas dengan ucapan setinggi-tinggi terima kasih.

Paling di ingati dan amat disayangi iaitu untuk kedua ibu bapa saya iaitu Munawir bin Mujab dan Rahimah binti Ibrahim yang telah terlalu banyak menyumbang dana kewangan dan doa untuk saya terus kuat mengharungi liku semasa kajian dan penulisan ini. Tidak dilupakan kepada adik beradik saya yang sangat prihatin dengan sering memberi sokongan moral dan juga bantuan kewangan sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini.



Tidak dilupakan kepada semua sahabat saya yang banyak memberi tunjuk ajar dan membantu memberikan kerjasama semasa kajian dan penulisan tesis ini. Budi baik sahabat sekalian saya dahulukan dengan berbanyak terima kasih kerana tanpa bantuan mereka mungkin saya dapat menyiapkan tesis ini sepenuhnya.

Akhir kata, ucapan terima kasih kepada sesiapa yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam proses menyiapkan tesis ini sehingga boleh menjadi sumber rujukan pada masa akan datang.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui keberkesanan pengajaran yang dapat membantu pengajaran guru prasekolah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Kajian kes ini dijalankan di empat buah prasekolah yang terpilih iaitu dua buah prasekolah di Perak dan dua buah prasekolah di Selangor. Peserta kajian adalah seramai empat orang guru prasekolah yang telah dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian kes yang dijalankan di dua buah negeri dengan menggunakan analisis tematik. Instrumen kajian yang digunakan terdiri daripada protokol temubual dan borang pemerhatian yang telah mendapat kesahan pakar daripada pensyarah Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori Robert Glazer iaitu memfokuskan tentang pengetahuan sedia ada guru sebelum sesi pengajaran dijalankan serta memfokuskan tentang kaedah atau aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran. Dapatan temubual menunjukkan terdapat beberapa tema yang muncul iaitu pengetahuan guru sebelum menjalankan sesi pengajaran adalah sangat membantu ketika sesi pembelajaran. Ini disebabkan pengetahuan guru dalam merancang aktiviti adalah sangat penting bagi membantu melaksanakan sesi pengajaran yang menarik. Selain itu, bahan pengajaran yang bersesuaian dengan kanak-kanak mengikut tahap umur dapat menarik minat mereka untuk lebih memahami isi pengajaran guru dan sekaligus dapat mencapai objektif pembelajaran. Dapatan pemerhatian pula menunjukkan perancangan aktiviti yang bertepatan dengan isi pembelajaran juga mampu memberi kesan yang positif terhadap pengajaran guru dan mampu memberi kesan kepada pemikiran kanak-kanak. Sebagai guru yang kreatif, kepelbagaiannya kaedah pembelajaran mampu menjadikan pengajaran guru menjadi lebih tersusun dan mudah difahami oleh kanak-kanak. Kesimpulannya, dapatan utama kajian adalah menunjukkan pengetahuan guru dalam memahami isi pengajaran dan merancang aktiviti mampu menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih terancang dan tersusun untuk membantu pemahaman kanak-kanak. Implikasi kajian ini mampu dijadikan panduan kepada guru agar sentiasa bersikap lebih sistematis dalam merancang dan mengendalikan cara pengajaran agar segala penyampaian guru pada hari berikutnya dapat diterima dan dijadikan pengalaman dalam kehidupan kanak-kanak.





## **THE EFFECTIVENESS OF PRESCHOOL TEACHERS' TEACHING IN ACHIEVING TEACHING STRATEGIES: A CASE STUDY IN THE STATES OF PERAK AND SELANGOR**

### **ABSTRACT**

The research aimed to explore the effectiveness of teaching which could help the teaching of preschool teachers during the teaching and learning sessions. This case study was conducted in four selected preschools, namely two preschools in Perak and two preschools in Selangor. The study participants were a total of four preschool teachers who were selected through purposeful sampling techniques. This study utilised the case study design conducted in two states using thematic analysis. The research instruments consisted of interview protocols and observation forms which had obtained expert validation from Early Childhood Education lecturers. The theory used in this study was Robert Glazer's theory that focused on the existing knowledge of teachers before the teaching session was conducted as well as focusing on the methods or activities carried out during the teaching and learning. The findings of the interview showed that there were several themes that appeared, specifically, the knowledge of teachers before conducting teaching sessions was very helpful during learning sessions. This was because the knowledge of teachers in planning activities was very important to help the implementation of interesting teaching sessions. In addition, teaching materials which were appropriate for the children according to age could attract their interest to understand the content of teachers' teaching more and at the same time they could achieve the learning objectives. The observation findings showed that the planning of activities that coincided with the content of learning could also have a positive effect on the teacher's teaching and could have an impact on children's thinking. A variety of learning methods could make the teacher's teaching more structured and easier to be understood by children. In conclusion, the main findings of the study indicated that the knowledge of teachers in understanding the content of teaching and the teacher's planning of activities could make teaching and learning sessions more organized to assist in the children's understanding. The implications of this study could be used as a guide for teachers to always be more systematic in planning and controlling teaching methods so that all teachers' presentations in future could be accepted and used as an experience in the children's lives.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	II
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	III
<b>PENGHARGAAN</b>	IV
<b>ABSTRAK</b>	V
<b>ABSTRACT</b>	VI
<b>KANDUNGAN</b>	VII
<b>SENARAI JADUAL</b>	VIII
<b>SENARAI RAJAH</b>	IX



### BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	7
1.3 Penyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	18
1.6 Kepentingan Kajian	19
1.7.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	19
1.7.2 Sekolah Dan Guru	20
1.7.3 Pelajar (Kanak-kanak)	21
1.7 Batasan Kajian	21
1.8 Kerangka Konseptual	23





1.9 Definisi Istilah	24
1.9.1 Strategi	24
1.9.2 Pengajaran	25
1.9.3 Pembelajaran	25
1.10 Rumusan	26

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	28
2.2 Teori Yang Berkaitan	29
2.2.1 Teori Perkembangan Gagne	29
2.2.2 Teori Perkembangan Robert Glazer	32
2.3 Kajian-Kajian Lepas	33
2.4 Rumusan	44



## BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan	45
3.2 Reka Bentuk Kajian	46
3.2.1 Reka Bentuk Kualitatif	48
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	49
3.3.1 Temu Bual	50
3.3.2 Pemerhatian	51
3.4 Pensampelan	52
3.5 Instrumen Kajian	58
3.5.1 Temu Bual	59
3.5.2 Pemerhatian	61
3.6 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	64





3.6.1 Kesahan Kandungan	64
3.6.2 Kesahan Konstruk	65
3.6.3 Kebolehpercayaan Instrumen	65
3.6.3.1 Kajian Rintis	66
3.6.3.1.1 Kebolehpercayaan Temu Bual	66
3.6.3.1.2 Kebolehpercayaan Pemerhatian	67
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	68
3.7.1 Prosedur Pengumpulan Data Temu Bual	68
3.7.2 Prosedur Pengumpulan Data Pemerhatian	71
3.8 Kaedah Analisis Data	73
3.9 Matrik Kajian	74
3.10 Rumusan	75



4.1 Pendahuluan	76
4.2 Persoalan Kajian	78
4.2.1 Bagaimakah Cara Menggalakkan Penyertaan Kanak-Kanak dalam Aktiviti?	78
4.2.1.1 Merancang aktiviti sebelum bermulanya pengajaran	80
4.2.2 Apakah Tindakkan Yang Sesuai Untuk Mendisiplinkan Tingkah Laku Kanak-Kanak?	82
4.2.2.1 Dendaan dan tidak terlalu memanjakan	84
4.2.2.2 Sentiasa mengingatkan tentang peraturan dan memberi pujian	86
4.2.3 Bagaimakah Cara Guru Bagi Menarik Minat Kanak-Kanak untuk Melakukan Aktiviti?	88
4.2.3.1 Mempelbagaikan teknik pengajaran	89





4.3 Matrik Kajian	92
-------------------	----

4.4 Rumusan	94
-------------	----

## BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan	95
-----------------	----

5.2 Perbincangan	96
------------------	----

5.2.1 Perbincangan Hasil Dapatan Kajian 1 Mengenai Cara Menggalakkan Penyertaan Kanak-Kanak dalam Aktiviti.	96
---	----

5.2.2 Perbincangan Hasil Dapatan Kajian 2 Mengenai Tindakan yang Sesuai Untuk Mendisiplinkan Tingkah Laku Kanak-Kanak.	98
--	----

5.2.3 Perbincangan Hasil Dapatan Kajian 3 Mengenai Cara Guru Bagi Menarik Minat kanak-kanak Untuk Melakukan Aktiviti.	99
---	----

5.3 Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian	101
--	-----

5.4 Implikasi	103
---------------	-----

5.4.1 Guru	103
------------	-----

5.4.2 Prasekolah / Tadika	104
---------------------------	-----

5.4.3 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	105
---	-----

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	105
------------------------------	-----

5.6 Kesimpulan	108
----------------	-----

## RUJUKAN

## LAMPIRAN





## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
3.1 Jadual Jenis Premis	54
3.2 Jadual Perincian Responden	54
3.3.1 Jadual Biodata Responden 1	55
3.3.2 Jadual Biodata Responden 2	56
3.3.3 Jadual Biodata Responden 3	57
3.3.4 Jadual Biodata Responden 4	58
3.5 Jadual Prosedur Pengumpulan Data Kaedah Pemerhatian	72
3.6 Jadual Analisis Data Responden	74
4.1 Jadual Perbandingan Respon Responden Tentang Strategi Guru	92



## SENARAI RAJAH

<b>No. Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1 Rajah Kerangka Kurikulum Standart Prasekolah Kebangsaan	4
1.2 Rajah Kerangka Maklumat Strategi Pengajaran Guru	19
1.3 Rajah Kerangka Konseptual Strategi Pengajaran	23
2.1 Rajah Peringkat Perkembangan Teori Gagner	30
2.2 Rajah Teori Perkembangan Robert Clazer	33
3.1 Rajah Perincian Sampel	53

## BAB 1

### PENGENALAN

Usaha utama di dalam pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan individu yang tahu untuk memberikan peranan yang positif kepada semua individu. Kementerian Kanak-kanakan Malaysia telah mewujudkan satu Dasar Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang bertujuan untuk memberikan peluang khusus kepada semua kanak-kanak bagi memberi peluang kepada kanak-kanak mengalami atau merasai proses pembelajaran awal yang sangat memberi makna kepada mereka. Kebanyakan kanak-kanak dapat menguasai konsep awal melalui pengalaman pembelajaran yang dialami secara tidak formal (Almon dan Miller, 2012). Melalui cara tersebut, penguasaan kanak-kanak akan meningkat dari semasa ke semasa apabila mereka benar-benar memahami pembelajaran yang dijalankan oleh guru. Guru merupakan tunjang utama kepada penghasilan sistem pendidikan.



Pengajaran merupakan satu proses yang merangkumi beberapa aspek seperti perancangan aktiviti, pelaksanaan pengajaran, penilaian dan maklum balas (Shahabuddin & Rohizani, 2004). Hal ini adalah bertujuan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan bagi meluaskan pemahaman kanak-kanak tentang kehidupan. Guru yang cemerlang juga seharusnya menjalankan tanggungjawab seperti sebagai ‘pengganti ibu bapa’ dalam usaha membentuk tingkah laku kanak-kanak kearah yang lebih baik dan sempurna. Gaya pengajaran akan sentiasa bertukar-tukar mengikut arus pendidikan semasa. Seperti yang diketahui, pendidikan Negara bukan sahaja tujuan untuk melahirkan insan yang berakademik yang baik akan tetapi pendidikan Negara juga bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segenap aspek yang dapat melangkaui kemajuan Negara ke tahap yang dapat dibanggakan (Muhyiddin Mohd Yassin, 2009).



Menurut Noraini Idris (2005) menyatakan faktor utama pengajaran dan pembelajaran dapat mempengaruhi kanak-kanak adalah berpunca daripada kematangan guru ketika berinteraksi dengan kanak-kanaknya. Mengikut beliau, kejayaan guru semasa pengajaran adalah berpunca daripada cara guru tahu untuk memikat hati para kanak-kanaknya yang mempunyai perwatakan yang berbeza-beza. Setiap guru mempunyai pengalaman yang tersendiri dan daripada pengalaman tersebut jika mereka bijak untuk mengaplikasikan dalam pembelajaran, mereka akan dapat mencapai hasil pembelajaran yang sebenar. Kematangan dan pengalaman guru mampu menjadi pendorong yang positif kepada kanak-kanak (Sue Leach, 2006). Rentetan itu, keperibadian guru yang positif boleh mencerminkan keperibadian seseorang guru.





Sememangnya tugas sebagai guru tidak semua orang mampu lakukan, tetapi jika itu sudah tertulis bahawa kita perlu memikul satu tanggungjawab besar dalam mendidik anak bangsa, kita teruskan dan lakukannya dengan penuh nilai-nilai murni. Sebagai seorang pendidik yang berdedikasi, mereka perlulah menyediakan berbagai jenis strategi pengajaran bagi membantu kanak-kanak untuk menambahkan ilmu pengetahuan. Pembelajaran yang baik sewaktu di dalam bilik darjah perlulah di ambil serius kerana jika kanak-kanak selesa dan seronok sewaktu pembelajaran, mereka akan mudah untuk menerima apa yang guru sampaikan malah mereka akan memberikan kerjasama yang baik di antara mereka sebagai rakan sekelas dan diantara guru-guru. Sejak dahulu lagi, tugas sebagai seorang guru sangat memberi makna kepada setiap masyarakat kerana pengorbanan sebagai seorang guru dalam mendidik dan sumbangsan yang diberikan adalah menjadi punca utama ata kejayaan seseorang manusia.



Menurut McGregor (2007), pengajaran dan pembelajaran yang memfokuskan kemahiran berfikir adalah tunjang utama kepada pembelajaran sebenar. Dalam konteks pendidikan Malaysia, penekanan bagi konsep KBKK digabung jalinkan dengan satu proses yang mana ia menggunakan permikiran minda sama ada mentafsir makna dan pemahaman terhadap sesuatu perkara, membuat pertimbangan dan memberi keputusan, atau menyelesaikan masalah yang diperolehi. Rentetan daripada situasi itu, jika guru berjaya melakukan kesemua proses tersebut, maka sesi pengajaran dan pembelajaran dapat diserap dengan baik oleh kanak-kanak. Pada usia seawal itu, perkembangan minda kanak-kanak sangat baik dan mereka mampu menerima berbagai pembelajaran yang telah berjaya meransang oleh mindanya. Pada masa ini juga, kanak-kanak akan mengembangkan potensi diri dan mampu menonjolkan sikap positif yang terpendam dalam diri mereka yang selama ini di selindungkan.





Setiap perkara yang dilakukan, pasti ada titik permulaan yang perlu diikuti, seperti juga di dalam pengajaran dan pembelajaran. Dahulunya, bagi membantu guru dalam mengembangkan perkembangan kanak-kanak secara holistik, guru perlu mengikut panduan yang telah digubah iaitu dipanggil Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK). Akan tetapi, pada tahun 2010 yang lalu, pihak kementerian telah menggantikan panduan pengajaran dan pembelajaran itu kepada Kurikulum Standart Prasekolah (KSPK). Motif utama panduan ini adalah untuk membantu guru dalam membina pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak. Tambahan itu, ia juga bertujuan untuk merancang sesi pembelajaran yang berkesan yang mampu memberikan keseronokkan yang bermakna secara holistik kepada kanak-kanak mengikut kemahiran asas yang diguna pakai dalam pendidikan sepanjang hayat (Unit Pengurusan Prestasi dan Pengurusan KPM, 2009). Melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017) tersebut telah menyenaraikan beberapa jenis tunjang yang boleh diguna pakai sebagai membantu pembelajaran guru. Antaranya adalah :



Tunjang Fizikal dan Estetika

Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai

Tunjang Keterampilan Diri

Rajah 1.1. Kerangka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan





Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tidak hanya tertumpu kepada strategi yang khusus atau kaedah yang berkaitan semasa sesi pembelajaran berlangsung, akan tetapi sesi pengajaran dan pembelajaran yang bermakna adalah dimana guru tahu untuk mengaplikasikan strategi sedia ada dengan tahap perkembangan minda kanak-kanak, minat kanak-kanak dan kebolehan yang sedia ada. Melalui daripada pengaplikasian itu, kita dapat lihat keberkesanan pengajaran guru yang mampu memberikan impak yang baik kepada kanak-kanak. Bahar pengajaran dan pembelajaran yang baik bukan sekadar berkesan, akan tetapi ia juga mampu memotivasi murid untuk terus melibatkan diri dengan pembelajaran (Morrison 2011). Pada abad ke-20 ini, kita dapat lihat perubahan yang sangat memberangsangkan walaupun perkembangan ICT di dalam pendidikan telah bermula pada tahun 1980an. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah dapat ditafsirkan sebagai satu perkembangan ilmu pengetahuan dan pengalaman oleh kanak-kanak untuk memahami selok belok kehidupan yang akan disampaikan oleh guru.



Tidak lupa juga bagi kanak-kanak yang berkeperluan khas, guru perlu tahu untuk merancang strategi pengajaran yang bersesuaian dengan masalah pembelajaran yang dihadapi oleh kanak-kanak itu dan mengambil tindakan susulan bagi membantu permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Mengikut Akta Pendidikan (1996), kanak-kanak berkeperluan khas adalah mereka yang mempunyai kecatatan pendengaran, penglihatan dan masalah pembelajaran. Mengikut Akta Pendidikan (1996) juga, kanak-kanak bermasalah pembelajaran boleh dimaksudkan sebagai kanak-kanak yang mempunyai masalah kognitif yang merangkumi kanak-kanak down syndrome, kanak-kanak autistik, kanak-kanak kurang keupayaan mental, kanak-kanak bermasalah emosi, kanak-kanak bermasalah kesihatan dan kanak-kanak keceleruan bahasa dan pertuturan. Rentetan daripada penerangan bagi kanak-kanak berkeperluan khas itu, kita dapat simpulkan bahawa mereka memerlukan penjagaan yang rapi





malah mereka memerlukan perhatian yang sepenuhnya daripada guru-guru. Kesabaran yang tinggi dan komitmen yang diberikan sedikit sebanyak dapat membantu mereka untuk belajar seperti kanak-kanak normal yang lain.

Guru adalah jentera pembangunan modal insan yang berpandukan kepada tunjang falsafah pendidikan kebangsaan dan ia merangkumi tanggungjawab untuk memastikan wujud satu pertambahan pengetahuan dan berlaku peningkatan kemahiran interpersonal dalam diri setiap kanak-kanak berlandaskan acuan dan hala tuju yang telah tentukan. Guru merupakan seseorang yang mempunyai tanggungjawab untuk membentuk peribadi pelajarnya agar setiap pelajarnya dapat menerima setiap bait kata-kata yang dilontarkan dan sekaligus mampu memberikan rangsangan yang baik terhadap minda mereka. Hasil daripada didikan seorang guru, kanak-kanak mampu menggunakan pemikiran kritis dan kreatif untuk meninjau

perubahan keadaan daripada masa lalu sehingga ke masa kini dan meramalkan keadaan pada masa hadapan. Melalui keadaan itu, kanak-kanak digalakkan menjadi seorang yang bersikap bertangungjawab, tahu menilai mana yang boleh dan mana yang tidak dan mampu menjadi seorang yang berketrampilan menarik.

Pembelajaran yang menarik dan bersesuaian bukan sahaja dapat memberi motivasi atau impak yang positif kepada kanak-kanak, malah dapat menjadikan pengalaman pembelajaran lebih bermakna dan diingati. Oleh itu, fokus utama guru-guru dalam mendidik kanak-kanak adalah untuk melihat sejauh mana pembelajaran yang menyeronokkan dapat membantu mewujudkan kesediaan belajar dalam kalangan kanak-kanak prasekolah seperti yang digariskan dalam pendidikan prasekolah masa kini bagi menyediakan peluang pelajaran yang menyeronokkan kepada kanak-kanak dimasa akan datang. Aktiviti-aktiviti pembelajaran yang





dijalankan oleh guru mampu menggalakkan kemahiran berfikir kanak-kanak serta mampu meningkatkan proses pembelajaran individu malah ia juga memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menjadikan pengetahuan yang baru.

## 1.2 Latar Belakang

Dalam era globalisasi masa kini, seseorang guru yang ingin berjaya dan cemerlang dalam hidup perlulah menanamkan sifat bertanggungjawab, amanah dan berdisiplin dalam diri agar ianya menjadi tunjang utama untuk memulakan sesuatu perkara. Di Malaysia ini, terdapat berbagai jenis institusi yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak yang telah lama ditubuhkan. Institusi tersebut ditubuhkan melalui berbagai agensi antaranya adalah ditubuhkan

melalui badan-badan berkanun, agensi kerajaan, agensi swasta dan ada juga yang ditubuhkan daripada pengusahaan yang mempunyai sijil pendidikan awal kanak-kanak yang ditubuhkan secara perseorangan. Maklumat tentang pemilihan institusi yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak ini diperolehi daripada National Child Development Research Centre (NCDRC) yang bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Profesional perguruan sering mendapat perhatian walau di mana sahaja mereka berada. Segala kelakuan dan tindak tanduk yang dilakukan oleh seorang yang bernama ‘Guru’ pasti mendapat perhatian dari orang ramai. Hal ini demikian kerana, guru merupakan seorang insan yang mampu menjadi contoh tauladan yang baik selain membantu mengajar mengenali dunia, guru juga mesti mengetahui kaedah atau teknik penyampaian dalam pengajaran agar kanak-kanak dapat memahami dan mengikuti apa yang disampaikan oleh seorang guru. Oleh itu,





adalah menjadi satu kewajipan bagi guru-guru mengamalkan penampilan diri yang baik dan kemas agar dapat menunjukkan kesantunan yang tinggi untuk memantapkan lagi prosesion perguruan. Guru menjadi idola dalam setiap insan, maka setiap guru perlu berupaya untuk menjaga penampilan diri dan mengamalkan nilai-nilai murni sekaligus mengaplikasikan nilai murni tersebut dalam kehidupan sehari-hari.

Guru dan sekolah tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya mempunyai pengaruh yang kuat dalam membantu mengembangkan perkembangan kanak-kanak dari segi fizikal, intelek, emosi dan sosialnya (Mok Song Sang, 2003). Sesi pengajaran guru adalah mengajar dengan menunjukkan cara bagi memudahkan pemahaman kanak-kanak untuk memahami sesuatu pengajaran yang dijalankan. Melalui pengajaran tersebut, guru boleh memberikan peluang yang meluas kepada kanak-kanak untuk mengembangkan pengetahuan asas mereka

berdasarkan cara berkomunikasi guru yang membantu membimbing dan mendidik kanak-kanaknya. Pengajaran guru bukan hanya sekadar mengajar mata kanak-kanakan sahaja, tetapi pengajaran guru merangkui kesemua yang berkaitan dengan guru dan kanak-kanaknya.

Pemilihan penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah menjadi satu keutamaan bagi guru-guru sebelum mengaplikasikannya di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Seman Saleh, 2006). Penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak bersesuaian dengan kanak-kanak akan menimbulkan permasalahan bagi perkembangan kanak-kanak. Guru yang konsisten dalam pengajaran akan tahu untuk memilih kaedah yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Guru juga perlu bijak untuk menggunakan kemahiran yang diperlukan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Antara kemahiran yang diperlukan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran adalah kemahiran





menyelesaikan masalah, kemahiran membaca dengan baik, kemahiran menjana idea sendiri dan sebagainya. Rentetan daripada itu, jika guru-guru tahu cara terbaik yang perlu dilakukan sebelum pembelajaran, maka sesi pembelajaran akan berjalan dengan baik malah perkembangan minda kanak-kanak akan lebih berkembang dan mampu mempengaruhi hidup mereka.

Setiap kanak-kanak mempunyai cara atau gaya yang tersendiri untuk belajar menerima pembelajaran dengan menggunakan rangsangan tersendiri semasa bermulanya proses pembelajaran (Mohamed Zakaria, 2010). Proses pembelajaran dan pengajaran mampu memberikan kesan kepada minda kanak-kanak dalam penerimaan sesuatu perkara namun ianya bergantung kepada tahap penerimaan kanak-kanak itu tersendiri. Aktiviti pembelajaran yang terbaik mampu memainkan peranan yang amat penting dalam usaha untuk mencapai matlamat

kanak-kanak terutamanya dalam kecemerlangan pencapaian akademik. Oleh yang demikian, aktiviti dan cara kanak-kanak dalam aktiviti pembelajaran boleh mengubah hidup kanak-kanak sekaligus dapat membantu mempengaruhi pencapaian kanak-kanak dalam akademik.

Strategi pengajaran yang mampu meningkatkan perkembangan kanak-kanak adalah terhasilnya daripada bantuan guru. Guru di ibarat ‘*Role Model*’ utama bagi membentuk kanak-kanak yang dapat membantu menggongcang dunia. Berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan KSPK (2017), terdapat empat strategi pengajaran guru iaitu berpusatkan oleh guru, berpusatkan oleh kanak-kanak, berpusatkan oleh bahan dan berpusatkan oleh tugasan atau aktiviti. Rentetan daripada strategi pengajaran itu, kita dapat lihat, pembelajaran yang bermakna atau berkesan kepada kanak-kanak akan menjadi





pendorong untuk mereka berusaha untuk terus belajar dan mengejar cita-cita selaras dengan sikap dan akhlak positif yang telah mereka perolehi.

Pembelajaran yang dapat menambat hati kanak-kanak adalah disebabkan daripada strategi pengajaran guru yang berjaya menyediakan bahan aktiviti, ruang pembelajaran dan peluang kepada kanak-kanak untuk menikmati suasana pembelajaran berdasarkan kehendak mereka apabila wujudnya pemahaman ini (Sahimi & Said, 2012). Pengajaran dan pembelajaran yang bermakna kepada kanak-kanak adalah dengan cara yang menarik yang mampu memukau minda kanak-kanak. Bahan aktiviti yang guru gunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran seharusnya menarik dan pelbagai agar dapat mencuit minat kanak-kanak untuk belajar (Pedük, Ş. B., Yıldızbaş, F. & Aygün, A, 2014). Keperluan asas bagi kanak-kanak perlu dipandang serius. Hal ini kerana untuk memahami kehendak mereka, guru perlu membina

strategi pembelajaran yang menarik yang bersesuaian dengan kanak-kanak kerana perspektif orang dewasa dan kanak-kanak adalah berbeza.

Strategi pengajaran yang baik mampu melahirkan pembelajaran yang dapat menjadikan kanak-kanak lebih berkeyakinan di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Pengalaman pengajaran yang telah dilalui oleh guru adalah sangat diperlukan kerana daripada situasi itu guru akan mengaplikasikan apa yang telah dikanak-kanaki dan diluahkan kepada kanak-kanak semasa sesi pembelajaran. Hal ini kerana, jika guru mempunyai banyak ilmu tentang cara pengajaran dan pembelajaran, mereka dapat memberikan suasana pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak. Situasi ini disokong oleh kajian (Faridah, 2013) yang menyatakan bahawa jika guru mempunyai latihan intensif yang menyeluruh dari segala aspek maka guru akan memperoleh kemahiran teori dan praktikal yang berkesan dalam merancang strategi





pengajaran yang lebih baik malah mampu memberikan aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak pada masa itu. Bagi menunjukkan gambaran jelas tentang penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran, guru perlu melakukan pelbagai jenis aktiviti permainan dan perlu diingatkan bahawa segala aktiviti yang akan dilakukan perlulah berada dalam keadaan selamat dan teratur bagi mengelakkan segala permasalahan yang tidak diingini.

Dalam Bahagian Pembangunan Kurikulum (2008) melaporkan bahawa ada sejumlah guru yang masih menggunakan cara pengajaran secara langsung di sekolah. Ada juga terdapat kajian terdahulu mendapati dimana amalan yang biasa guru gunakan di dalam bilik darjah masih tertumpu kepada pengajaran secara langsung malah ada juga guru yang kurang menggunakan pendekatan bermain di prasekolah (Fauziah, 2009). Meskipun sudah diakui dimana terdapat banyak kepentingan dalam pendekatan bermain kepada proses perkembangan kanak-kanak (Razali & Zulkifli, 2013). Di dalam kajian yang lain juga mendapatkan penggunaan bermain dalam pendidikan awal kanak-kanak masih terdapat banyak isu dan cabarannya yang dihadapi (Norsuhaily, Normadiah, Nadhirah & Abdul Hakim 2015). Oleh yang demikian, untuk meningkatkan mutu pengajaran, guru memerlukan sumber, panduan dan bimbingan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terutamanya dalam melakukan pengajaran yang berpusatkan murid. Sebagai contoh iaitu teknik penyoalan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan perlulah mengikut aras berfikir Taksonomi Bloom.





### 1.3 Penyataan Masalah

Proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan guru masih lagi digunakan sehingga hari ini sehinggakan terdapat segelintir kanak-kanak tidak dapat berdikari untuk membantu diri sendiri bagi mengembangkan potensi diri masing-masing. Menurut Kasim & Kamarudin, (2006) menyatakan bahawa pengajaran guru yang hanya menggunakan satu langkah atau aktiviti bagi mencapai objektif pembelajaran akan mengakibatkan pemikiran kanak-kanak terhad dan tidak dapat bermikir di luar kotak. Aktiviti guru yang tidak pelbagai akan menyekat minda kanak-kanak kerana pada usia seawal ini, mereka memerlukan lebih banyak perhatian dan tunjuk ajar daripada guru atau orang sekeliling bagi menambah ilmu pengetahuan agar ia menjadi bermakna untuk kehidupan kanak-kanak tersebut. Guru perlu menunjukkan keyakinan diri yang positif supaya dapat dicontohi oleh kanak-kanak agar mereka dapat beranggapan bahawa guru mempunyai berbagai kebolehan dalam mendidik mereka.



Kanak-kanak sering kurang berminat untuk belajar adalah kerana guru mereka menggunakan kaedah atau cara pembelajaran yang kurang menarik (Maria Inawati, 2011). Umur kanak-kanak pada usia prasekolah ini merupakan usia yang efektif untuk kita sama-sama membantu mengembangkan berbagai potensi yang dimiliki oleh mereka. Keupayaan pengembangan ini dapat dilakukan dengan berbagai cara atau boleh dilakukan dengan berbagai teknik sama ada teknik secara langsung mahupun tidak langsung. Pada usia prasekolah ini, otak kanak-kanak masih dalam tahap pembentukan untuk menuju kesempurnaan dan perlu mengikut berbagai fasa yang bersesuaian dengan tahap umur mereka. Melalui itu, kaedah yang bersesuaian dengan kanak-kanak prasekolah adalah sangat diperlukan agar mereka tidak terlalu melampaui batas pemikiran sebagai seorang kanak-kanak prasekolah.





Seorang guru harus bijak dalam membuat penyelarasan kepada bahan pengajaran untuk membantu memenuhi tahap kemahiran kanak-kanak yang mempunyai tahap kemahiran yang berbeza (Shaari et al., 2012). Daripada bahan pengajaran itu, guru boleh mengkreatifkan diri mereka untuk melahirkan suasana pembelajaran yang holistik dari segenap segi yang boleh menarik minat kanak-kanak untuk terus belajar pada waktu itu dan waktu akan datang. Peranan guru itu dalam menyerikan suasana pembelajaran adalah sangat penting dalam memotivasi kanak-kanak untuk mencapai kecemerlangan. Sesi pembelajaran yang menarik dan menyeronokkan sangat diperlukan dalam proses pembelajaran dan pengajaran supaya proses pembelajaran menjadi lebih menarik dan mudah difahami oleh kanak-kanak.

Guru mengalami kesulitan untuk membuat kanak-kanak berdisiplin dalam proses pembelajaran, terutamanya pada usia prasekolah malah disiplin kanak-kanak tidak dapat diatasi dan mengakibatkan kanak-kanak terbiasa dalam keadaan tidak disiplin dan menjadikan hasil pembelajaran mereka menurun (Eltin John, 2011). Kanak-kanak pada umur prasekolah ini agak susah untuk duduk diam di dalam kelas, terutamanya pada waktu sesi pengajaran pembelajaran berlangsung. Kanak-kanak pada usia prasekolah ini juga masih belum mampu untuk mengesan konsep abstrak. Mereka hanya dapat memahami tentang sesuatu hal yang hanya dapat ditangkap oleh mata mereka. Bahkan semasa sesi melakukan aktiviti yang diberikan oleh guru, mereka masih sempat berkesempatan untuk bermain, berlari, mengganggu rakan, menangis dan sebagainya.

Menurut Shahabudin, Rohizani & Mohd Zohir (2007) cara penyampaian guru bukan hanya berpusatkan guru sahaja akan tetapi boleh berpusatkan murid atau bahan pengajaran agar kanak-kanak dapat melibatkan diri di dalam aktiviti pembelajaran seperti melakukan gerak





kerja secara berkumpulan bersama rakan sekelas. Hal ini demikian kerana, ketika proses pembelajaran berkumpulan berlaku, kanak-kanak bukan sahaja dapat berkongsi pendapat bersama guru, akan tetapi dapat berkongsi pengalaman bersama rakan yang lain. Proses pengajaran ini dapat mewujudkan suasana aktiviti yang menyeronokkan malah membantu meningkatkan prestasi diri dan meningkatkan pemahaman mereka semasa aktiviti dijalankan. Berdasarkan situasi itu, tanggungjawab guru adalah menjadi tulang belakang kepada kanak-kanak bagi membantu dan membangunkan potensi diri selaras dengan aspek yang sepatutnya dilaksanakan iaitu mendapat hasil pembelajaran dari aspek JERIS atau lebih dikenali sebagai jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Kebijaksanaan guru tentang pentingnya menguasai segala proses pengajaran dan pembelajaran adalah sangat diperlukan (Rosmah & Mariani, 2014). Sebagai guru yang berprofesional, mereka perlulah bijak menggunakan berbagai jenis kaedah pembelajaran bagi memudahkan kanak-kanak untuk menerima atau menghayati hasil pembelajaran yang ingin guru sampaikan. Kepintaran guru dalam mengelolakan pengalaman yang ada dan diterjemahkan dalam sesi pengajaran adalah berbeza-beza mengikut keadaan dan situasi tersebut. Kepelbagaian kaedah pengajaran guru dalam menyampaikan ilmu kepada kanak-kanak merupakan aspek utama yang perlu di ambil serius kerana bermulanya kepelbagaian kaedah yang guru gunakan, maka guru tersebut berjaya memotivasi para kanak-kanaknya sekaligus dapat menghasilkan satu hasil pembelajaran yang sangat bermakna bagi kanak-kanak. Rentetan daripada itu, seorang guru yang berkualiti akan selalu disebut bukanlah semata-mata kerana kepandaian guru dalam bidang pengajarannya, bukan juga kerana kebijaksanaan guru mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas tetapi bagaimana guru menyantuni pelajar mereka.





Strategi pengajaran yang berkualiti adalah daripada bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Menurut Marhaiza Ibrahim et.al, (2015) pertambahan ilmu pengetahuan kanak-kanak terjadi daripada kesesuaian alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru bagi merancang pembelajaran berkualiti yang mampu memberikan keyakinan dalam diri kanak-kanak secara tidak langsung. Pemilihan alat bantu mengajar yang bersesuaian dengan tahap kanak-kanak mampu menarik minat kanak-kanak secara tersembunyi. Perancangan strategi pengajaran yang berkesan adalah tunjang utama bagi semua pendidik untuk mencapai hasil pembelajaran yang bermakna. Alat bantu mengajar yang bersesuaian sangat memainkan peranan semasa sesi pembelajaran kerana bermula daripada bahan yang bersesuaian kanak-kanak akan mula suka untuk terus belajar dan meneroka ilmu baru. Rentetan daripada itu, tanpa bantuan daripada guru mahupun orang sekeliling, agak mustahil untuk kanak-kanak seawal itu untuk belajar mengenali dunia.



Sistem pendidikan memerlukan seorang guru yang mempunyai pengetahuan, kesedaran dan kemahiran yang mampu melahirkan nilai murni yang menjadikan mereka lebih sensitif terhadap latar belakang murid yang berbeza dan mampu menangani masalah hubungan antara kaum melalui kaedah yang lebih positif dan proaktif (Yasmin, 2014). Selain daripada itu, persekitaran bilik darjah, sekolah juga memainkan peranan yang amat penting. Guru bukan hanya berperanan sebagai pelaksana kurikulum akan tetapi beliau juga berperanan sebagai agen yang mampu memupuk keharmonian dalam kalangan kanak-kanak (Suresh Kumar, 2013). Oleh itu, didalam hal ini, guru sangat memainkan peranan dan impak yang besar kepada perkembangan kanak-kanak. Guru yang berkualiti mampu mendampingi kanak-kanak yang mempunyai pelbagai ragam dengan menggunakan kemahiran tersendiri dalam mendidik dan menguruskan kanak-kanak.





Berlakunya tingkah laku yang berlawanan dari arahan “jangan” yang berpunca dari sifat kanak-kanak itu sendiri serta bahasa yang digunakan semasa memberi arahan dalam mengatasi tingkah laku kanak-kanak (Shahrul Afzan, 2014). Seramai lapan orang responden terdiri daripada dua orang kanak-kanak prasekolah dan tiga orang ibu bapa serta dua orang guru di sebuah prasekolah di pedalaman. Komunikasi yang negatif mampu memberikan kesan yang negatif kepada tingkah laku kanak-kanak di prasekolah. Kanak-kanak pada peringkat ini adalah sangat aktif dan mereka mempunyai sikap ingin tahu yang tinggi, malah juga mempunyai sikap ingin mencuba sesuatu dan sebagainya hingga kadang kala ia mampu memperlihatkan mereka seolah-olah degil dan tidak dengar kana bila disuruh atau dilarang dalam melakukan sesuatu perkara. Oleh yang demikian, setiap perkara yang dilarang melalui arahan “jangan” ke atas kanak-kanak perlu diawasi dan dipandang serius kerana cara mendidik kanak-kanak perlulah bersesuaian bukannya menggunakan komunikasi negatif seperti meninggikan suara, menengking dan seumpama dengannya.



Proses pengajaran guru terjejas disebabkan kanak-kanak kurang memberikan perhatian semasa sesi pembelajaran dijalankan (Lee Chiong, 2012). Hal ini disebabkan oleh cara pengajaran guru yang kurang mencapai standard yang diinginkan oleh kanak-kanak. Penggunaan alat bantu mengajar yang tidak bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak juga boleh menjadi punca utama kanak-kanak kurang memberi perhatian. Kawalan serta strategi pengajaran dan pembelajaran yang tidak mencapai hasil pembelajaran yang sepatutnya akan menjaskas mutu pengajaran guru daripada taget untuk membina situasi pengajaran yang lebih berkesan. Keberkesanan pengajaran guru yang sepatutnya adalah dengan mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak bagi membantu menarik perhatian mereka dan merangsang minat kanak-kanak untuk terus belajar pada sesi pembelajaran itu.





## 1.4 Objektif Kajian

Sebagai seorang pendidik atau guru, kita seharusnya menumpukan sepenuh perhatian kita kepada para kanak-kanak agar pembelajaran dan berjalan dengan lancar. Akan tetapi sebelum menumpukan perhatian kepada para kanak-kanak, guru atau pendidik seharusnya mempunyai matlamat yang utama yang mendorong guru untuk menjadi pendidik yang berdedikasi. Sebelum kanak-kanakan bermula, guru perlu memastikan segala keperluan atau strategi pengajaran berjalan dengan lancar. Oleh itu, secara umumnya kajian ini telah membina beberapa objektif kajian yang telah digariskan sebagai panduan. Antaranya adalah seperti berikut :

Dalam kajian ini telah disenaraikan tiga objektif kajian seperti berikut :



- 1) Untuk mengenalpasti cara bagi menggalakkan penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti.
  - (a) Untuk mengenalpasti pengetahuan guru tentang kanak-kanak.
  - (b) Untuk mengenalpasti pengetahuan sedia ada kanak-kanak.
- 2) Untuk mengenalpasti tindakan yang sesuai untuk mendisiplinkan tingkah laku kanak-kanak.
  - (a) Untuk mengenalpasti cara guru dalam mengendalikan pengajaran.
  - (b) Untuk mengenalpasti cara yang sesuai untuk membentuk tingkah laku kanak-kanak.





- 3) Untuk mengenalpasti cara guru bagi menarik minat kanak-kanak untuk melakukan aktiviti.
  - (a) Untuk mengenalpasti cara yang digunakan oleh guru bersesuaian dengan kanak-kanak.
  - (b) Untuk mengenalpasti cara yang digunakan oleh guru bagi mencapai hasil pembelajaran.

## 1.5 Persoalan Kajian

Di dalam kajian ini juga, kajian merungkai beberapa persoalan yang menjadi permasalahan dalam mengenapasti strategi pengajaran guru yang berlaku di Prasekolah yang berada di Negeri Selangor dan Perak. Dengan itu, kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab segala persoalan



- 1) Apakah cara bagi menggalakkan penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti?
  - (a) Bagaimana pengetahuan guru tentang kanak-kanak?
  - (b) Bagaimana tahap pengetahuan sedia ada kanak-kanak?
- 2) Apakah cara yang sesuai oleh guru untuk mendisiplinkan tingkah laku kanak-kanak?
  - (a) Bagaimanakah cara guru menarik perhatian kanak-kanak?
  - (b) Bagaimanakah cara yang sesuai untuk membentuk tingkah laku kanak-kanak?



- 3) Bagaimanakah cara guru bagi menarik minat kanak-kanak untuk melakukan aktiviti?
- Adakah cara yang digunakan oleh guru bersesuaian dengan kanak-kanak?
  - Adakah cara yang digunakan oleh guru mampu mencapai hasil pembelajaran?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah amat penting untuk mendapatkan maklumat tentang strategi pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak di Prasekolah. Hal ini bertujuan untuk melahirkan generasi yang cemerlang dari berbagai aspek yang telah diajarkan oleh guru-guru yang berkualiti yang mampu melahirkan kanak-kanak yang berminda kelas pertama. Secara umumnya, kepentingan dalam kajian ini juga dapat dikongsikan kepada pihak-pihak tersebut antaranya :



Rajah 1.2. Kerangka Maklumat Strategi Pengajaran Guru

### 1.6.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negara (JPN).

Bagi merealisasikan segala harapan yang telah diamanahkan oleh ibu bapa untuk menjadikan anak-anak mereka cemerlang dari segala aspek, kerjasama daripada pihak KPM dan JPN iaitu perlulah sentiasa memantau kepelbagaiannya guru dalam merancang strategi pengajaran yang



berkualiti yang mampu melahirkan kanak-kanak yang berwibawa dan berilmu pengetahuan. Maka selarilah dengan aspirasi pendidikan Negara untuk melahirkan kanak-kanak yang berkualiti yang mampu mencapai standard yang tinggi bertaraf antarabangsa. Melalui daripada itu, sistem pendidikan Malaysia akan sentiasa melalui proses penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran di setiap Taska dan Prasekolah bagi melahirkan kanak-kanak yang tidak hanya berpengetahuan malah dapat melahirkan kanak-kanak yang berkemahiran dalam memimpin dan dapat menjadikan kanak-kanak itu mempunyai tahap kerohanian yang tinggi dalam kemahiran berfikir.

### 1.6.2 Sekolah dan Guru

Melalui kajian ini juga, diharapkan dapat memberi maklumat kepada pihak sekolah tentang kepentingan mengatur strategi pengajaran yang baik malah dapat memberikan kesedaran kepada guru-guru yang segelintirnya memandang remeh akan pengajaran kanak-kanak di Prasekolah. Di samping itu, hasil kajian ini juga diharapkan agar dapat membantu memberikan panduan dan idea kepada guru-guru tentang bagaimana cara yang terbaik untuk merancang dan mengendalikan kelas bersama kanak-kanak kerana tidak semua kanak-kanak tersebut mempunyai kebolehan yang sama, akan tetapi mungkin segelintir di dalam bilik darjah tersebut mempunyai kanak-kanak yang bekeperluan khas yang perlu di beri perhatian lebih. Menurut Noraini Idris (2001) menyifatkan bahawa pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan efektif sangat diperlukan bagi memberikan kejayaan kepada guru tersebut semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.





### 1.6.3 Pelajar (Kanak-kanak)

Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Berdasarkan peribahasa tersebut, di harapkan segala ilmu yang dicurahkan oleh guru kepada kanak-kanak sejak mereka seawal umur setahun jagung ini mampu disimpan kemas dan sentiasa tersemat di dalam diri kanak-kanak tersebut. Keberkesanan strategi pengajaran yang di curahkan oleh guru mampu membantu kanak-kanak untuk meningkatkan segala kemahiran yang perlu dikuasai bagi membantu kanak-kanak untuk meneruskan kehidupan mereka agar mereka dapat bersaing dalam kerjaya mereka pada masa akan datang.

## 1.7 Batasan Kajian



Setiap kajian mempunyai beberapa batasan yang tersendiri. Berdasarkan kajian ini, terdapat batasan yang berlaku adalah dimana kajian ini tidak melibatkan semua Prasekolah di Negeri Selangor dan Perak akan tetapi kajian ini dijalankan dengan melibatkan beberapa Prasekolah yang terpilih mengikut negeri yang telah ditetapkan. Antara agensi Prasekolah yang telah dipilih adalah seperti Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Skop responden dalam kajian ini adalah kecil kerana hanya melibatkan satu agensi dan dua negeri sahaja iaitu di Negeri Selangor dan Perak.

Tidak lupa juga, batasan kajian ini juga terbatas disebabkan oleh kesediaan kesemua responden yang terpilih dalam memberi kerjasama semasa mengisi borang soal selidik dan memberi pandangan ketika sesi temubual. Waktu untuk berjumpa responden dalam temu janji





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



22

juga perlu diatur dengan baik kerana terdapat keterbatasan waktu di mana responden yang mempunyai perbezaan waktu bekerja dan waktu persekolahan agar responden dapat memberikan kerjasama yang baik tanpa gangguan. Kajian ini juga memerlukan jangka masa yang lama untuk mendapatkan data dan membolehkan data kajian dikutip serta diproses dengan sebaiknya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.8 KERANGKA KONSEPTUAL



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Strategi Pengajaran



## 1.9 Definisi Istilah

Dalam proses menjalankan kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa terdapat beberapa istilah yang perlu difahami secara menyeluruh dan jelas ketika kajian ini dijalankan yang bertujuan untuk memberi kemudahan kepada sesiapa yang ingin mengetauui lebih lanjut tentang kajian ini. Pengertian istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut :

### 1.9.1 Strategi

Dalam kajian ini, digunakan perkataan ‘Strategi’ adalah bertujuan untuk menjelaskan bahawa cara yang lebih berkesan dan bersesuaian untuk dilaksanakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Cara atau langkah yang guru perlu lakukan sebelum sesi pembelajaran agar sesi pengajaran dan pembelajaran yang guru gunakan dapat diserap dan difahami oleh kanak-kanak.

Berdasarkan strategi juga, guru dapat merancang untuk menggunakan objektif pengajaran, memberikan pengalaman pembelajaran yg sesuai kepada pelajar agar hasil pembelajaran dapat dicapai dengan sebaiknya oleh kanak-kanak.

Strategi ialah langkah awal yang dibuat sebelum menjalankan sesuatu seperti penyediaan bahan dan idea untuk mnhasilkan pembelajaran bermakna (Nwachukwu 2005). Demostrasi awal bagi mengukur keberkesanan pengajaran sebelum melakukan demonstrasi kepada kanak-kanak (Maizura, 2011). Malah menurut Akinbobola and Ikitde (2011) strategi adalah kaedah pengajaran konsep, prinsip-prinsip perkara sebenar dengan menggabungkan penjelasan atau memanipulasi benda-benda sebenar.





### 1.9.2 Pengajaran

Pengajaran yang dapat ditafsirkan melalui kajian ini adalah penyusunan maklumat, pendekatan, aktiviti yang boleh dilakukan bersama sebelum sesi pembelajaran bermula yang bertujuan untuk membantu kanak-kanak mencapai sesuatu perkara atau lebih mudah difahami iaitu mencapai objektif yang telah ditentukan. Pengajaran yang stabil dari semua aspek dapat membantu mengembangkan minda kanak-kanak kerana pada usia seawal ini mereka mudah untuk menerima sesuatu perkara yang disampaikan.

Pengajaran adalah strategi bagaimana untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, sikap dan nilai dimana ia boleh dilakukan melalui proses penjelasan, experimen dan melalui cara-cara yang bersesuaian (Ee Ah Meng, 2003). Menurut Noor Hisham (2011), maksud pengajaran adalah sesuatu aktiviti atau tugas yang dilakukan dan diusahakan bersama-sama guru dan murid malahan menurut Smaldino, Lowther & Russell (2011) pula menyatakan bahawa pengajaran adalah suatu proses yang berkait rapat dengan penerimaan ilmu pengetahuan atau menguasai sesuatu kemahiran agar sesi pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dapat diterima dengan baik dan terkesan dalam diri mereka.

### 1.9.3 Pembelajaran

Dalam kajian ini, pembelajaran adalah lebih membawa maksud kepada perubahan sesuatu tingkah laku atau perubahan dari segi pemikiran yang berpunca daripada interaksi antara guru dengan kanak-kanak. Selain itu, pembelajaran bukan hanya tertumpu kepada guru sahaja,





malah persekitaran, orang disekeliling juga merupakan pembelajaran bagi kanak-kanak yang baru untuk meneroka alam kehidupan.

Pembelajaran merupakan satu sebagai proses yang boleh menghasilkan perubahan kepada tingkah laku seseorang (Ee Ah Meng, 2003). Mengikut Slavin (2005) pula, pembelajaran merupakan satu perubahan di dalam diri seseorang individu yang secara tidak langsung ianya bermula daripada pengalaman yang telah dikanak-kanaki. Menurut Mohamad Nor (2009), pembelajaran seseorang adalah melalui usaha dan pengetahuan yang mampu membawa mereka menguasai sesuatu kemahiran dan dapat membentuk sikap mereka.

## 1.10 Rumusan



Setiap insan mempunyai hak yang mutlak untuk memenuhi hak keperluan asas sebagai manusia. Jika hak ini dihalang, kemungkinan akan mendatangkan akibat yang akan menjelaskan minda dan perkembangan seseorang. Guru sebagai penyebar ilmu yang utama sewaktu disekolah. Tanpa guru, tiadalah insan yang semulia itu yang sanggup menghabiskan sekera keringat yang ada untuk membantu anak bangsa. Sebagai seorang guru, mereka boleh melakonkan berbagai watak yang dapat memberikan tindak balas yang positif kepada si pendengar. Watak dan gaya yang digunakan oleh guru adalah bertujuan untuk membantu kanak-kanaknya memahami konsep kendiri melalui objektif yang ingin disampaikan agar kanak-kanaknya dapat mengaplikasikan perkara yang disampaikan dan di bawa pada masa hadapan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
27

Guru perlu mempelbagaikan lagi teknik pembelajaran dan pengajaran yang lebih berkesan untuk memastikan kanak-kanak dapat menguasai kemahiran dengan lebih teratur. Kualiti kemahiran kanak-kanak prasekolah dapat digambarkan sebagai amalan secara langsung atau tidak langsung yang mempengaruhi keupayaan mereka untuk belajar dengan baik. Kerjasama dan usaha dari pelbagai pihak akan dapat membantu dalam merealisasikan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk meningkatkan kualiti prasekolah sekaligus membantu kanak-kanak untuk berkembang secara holistik. Perancangan awal dan penyusunan isi kandungan kanak-kanakan adalah sangat diperlukan agar tidak berlaku sebarang pemasalahan yang tidak di ingini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi